

## **PRESTASI DAN PENERIMAAN PENGUNDI TERHADAP PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-14 DI WILAYAH PANTAI BARAT SEMENANJUNG MALAYSIA**

*(Performance and Acceptance of Voters Against Parti Islam SeMalaysia (PAS) In General Election-14 In West Coast Region Of Peninsular Malaysia)*

Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani

### **ABSTRAK**

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan satu-satunya parti politik di Malaysia yang meletakkan nama agama iaitu Islam di Malaysia. Prestasi PAS dalam setiap PRU dilihat turun naik setiap kali pilihan raya dan kerap keluar masuk pakatan parti politik. PRU-14 (2018) memperlihatkan PAS bertanding bersendirian menentang BN dan Pakatan Harapan (PH) yang menggunakan logo Parti Keadilan Rakyat (PKR). Hasilnya PAS kekal berkuasa di Kelantan, berjaya menawan Terengganu daripada BN namun kurang diterima di wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis prestasi dan penerimaan pengundi terhadap PAS dalam PRU-14 di wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka. Berdasarkan analisis data keputusan PRU 2018, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa PAS sukar mendapat sokongan padu daripada pengundi di kawasan Pantai Barat kerana ketidakyakinan pengundi terhadap kemampuan PAS dengan mengambil contoh pemerintahan PAS di Kelantan yang menyebabkan rakyat di negeri tersebut terus dibelenggu kemiskinan dan kemudahan infrastruktur yang kurang baik. PAS juga gagal mendapat sokongan yang baik daripada pengundi bukan Melayu/bukan Islam kerana parti tersebut dilihat terlalu ekstrim dan kurang menekankan kebajikan orang bukan Islam. Implikasi daripada penulisan artikel ini ialah untuk mendapatkan sokongan daripada pengundi di wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia, PAS perlu menyesuaikan perjuangan dan strategi kempennya agar lebih sederhana, menampilkan kepimpinan yang bermanfaat untuk kebajikan rakyat dan lebih inklusif kepada semua kaum dan agama di seluruh Malaysia.

**Kata kunci:** Parti politik, Islam, prestasi, penerimaan, pemerintahan

### **ABSTRACT**

Pan Malaysian Islamic Party (PAS) is the only political party in Malaysia that bears the name of Islam in Malaysia. PAS's performance in every election is seen to fluctuate in every election and often comes out the political party's alliance. GE-14 (2018) sees PAS stand alone against BN and Pakatan Harapan (PH) using the Parti Keadilan Rakyat (PKR) logo. As a result PAS remains in

power in Kelantan, capturing Terengganu from the BN but is not widely accepted in the West Coast of Peninsular Malaysia. Thus, the purpose of this article is to analyze the performance and acceptability of PAS voters in the GE-14 in the West Coast of Peninsular Malaysia in Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan and Malacca. Based on the analysis of the 2018 General Elections data, field observations and secondary sources such as journal articles and conference papers, the study shows that PAS is difficult to gain strong support from voters in the West Coast due to voters' uncertainty over PAS's ability by taking the example of the PAS government in Kelantan causing the people of the country to continue to suffer from poverty and poor infrastructure. PAS also failed to get good support from non-Malay voters/non-Muslims because the party is seen as too extreme and less emphasis on the welfare of non-Muslims. The implication of this article is that in order to gain the support of voters in the West Coast region of Peninsular Malaysia, PAS needs to adapt its struggle and campaign strategies to simplify, showcase leadership that is beneficial to the welfare of the people and more inclusive to all races and religions throughout Malaysia.

**Keywords:** Politics, Islam, achievement, acceptance, government

## **PENGENALAN**

PAS merupakan antara parti politik tertua di negara ini dan parti politik yang tidak pernah melepaskan peluang untuk menyertai pilihan raya sejak PRU 1955 lagi hinggalah PRU yang terkini iaitu PRU-14, 2018. Parti ini ditubuhkan pada tahun 1951 yang merupakan serpihan sayap ulamak UMNO pada waktu itu. Parti ini ditubuhkan untuk memperjuangkan syiar dan syariat Islam berasaskan Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias. PAS terkenal dengan prinsip perjuangan yang kental serta ahlinya yang walak kepada kepimpinan utama parti tersebut. Parti ini juga telah teruji dalam setiap kali pilihan raya dengan menyertai pilihan raya secara bersendirian, menyertai gabungan atau pakatan politik, memenangi kerusi pilihan raya, dan pernah berjaya membentuk Kerajaan Negeri iaitu di Kelantan dan Terengganu serta pernah menyertai Kerajaan Negeri Campuran di Kedah, Perak dan Selangor. Dalam PRU 2018, buat pertama kali dalam sejarah bahawa parti politik tersebut meletakkan calon lebih daripada separuh daripada keseluruhan kerusi Parlimen iaitu 158 kerusi Parlimen daripada keseluruhan 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan berbanding sebelum PRU tersebut yang mana PAS hanya meletakkan calonnya dalam lingkungan 50-70 kerusi Parlimen sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa PAS serius untuk menawan Putrajaya sekali gus mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan Persekutuan daripada BN. Namun demikian pada PRU 2018 tersebut, PAS yang bertanding di 158 kerusi Parlimen hanya menang 18 kerusi yang kebanyakannya di kawasan majoriti Melayu di Kelantan, Terengganu dan Kedah. PAS gagal memenangi sebarang kerusi Parlimen di wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia, begitu juga di Sabah dan Sarawak. Kegagalan ini dikaitkan dengan komposisi etnik yang seimbang di ketiga-tiga wilayah tersebut dimana PAS belum mampu menawan hati pengundi bukan Melayu disebabkan beberapa faktor seperti ideologi parti, tawaran kepada pengundi, isu semasa dan kelemahan jentera parti di kawasan tersebut. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan makalah ini untuk menganalisis prestasi PAS di wilayah Pantai Barat

Semenanjung Malaysia serta faktor penolakan serta penerimaan sebahagian pengundi terhadap PAS di wilayah tersebut.

## **TINJAUAN LITERATUR: PAS DALAM PERSADA POLITIK MALAYSIA**

PAS telah mengharungi politik pilihan raya di negara ini sejak sekian lamanya. Pelbagai isu berkaitan dengan PAS telah dibincangkan oleh semua pihak sama ada pemimpin politik, kepimpinan ulamak, penyokong parti politik, NGO, badan kerajaan, ahli akademik mahupun rakyat yang juga pengundi sendiri. Isu atau perkara dalam PAS yang dibincangkan termasuklah dari segi ideologi parti, perjuangan parti, sejarah parti, pemimpin parti, peranan PAS dalam Kerajaan Negeri, prestasi PAS dalam pilihan raya dan sebagainya. Dari segi dasar dan perjuangan PAS, Mohd Amin (2001) menjelaskan bahawa perjuangan Islam oleh PAS akan terus-menerus berjaya dilaksanakan bersesuaian dengan kemampuan tenaga yang ada walaupun tidak dinafikan bahawa ahli PAS tidak dapat lari daripada ujian, cabaran dan tentangan daripada musuh Islam. Dari segi kepimpinan, Lotfi (2003) menerangkan bahawa Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang layak menjadi Perdana Menteri Malaysia kerana beliau berpengalaman dalam politik sebagai wakil rakyat, ketua pembangkang dan juga bekas Menteri Besar Terengganu di samping mempunyai hubungan yang baik dengan ulamak di seluruh dunia. Berkaitan dengan istilah populis dan ideologi, Abdul Hadi (2005) menjelaskan bahawa istilah Islam Hadhari tidak boleh diguna dalam Islam kerana ia adalah bid'ah dan boleh menyesatkan kerana dalam amsa yang sama ia dicemari dengan unsur yang menyanggah ajaran Islam dalam mengendalikan urusan politik dan pentadbiran seperti politik wang, rasuah dan salah guna kuasa. Dari segi Islam dan demokrasi, Abdul Hadi (2007) menghujahkan bahawa politik Islam tetap berpandukan ajaran Al-Quran, Sunnah dan para sarjana yang sesuai dengan bidangnya. Islam tidak menolak demokrasi kerana terdapat ciri yang sam antara Islam dan demokrasi seperti menolak diktator, permesyuaratan, kebebasan bersuara dan hisbah. Dalam keadaan politik semasa di negara ini, Islam mengharuskan penyertaan umatnya dalam sistem negara demokrasi berparlimen yang menggalakkan penyertaan rakyat untuk memilih pemimpin dan mengutamakan keamanan dan keadilan dalam kehidupan.

Berkaitan dengan kepimpinan ulamak, Dewan Ulamak PAS Pusat (2009) menyatakan bahawa PAS mendukung kepimpinan ulamak dari dulu hingga sekarang serta didukung oleh ahli dan penyokong yang kasih, setia dan berdiri teguh bersama ulamak. Bagi prestasi PAS dalam politik pilihan raya, Muhamad Nadzri (2009) menyatakan bahawa populariti PAS sebagai parti komponen dalam Pakatan Rakyat (PR) semakin meningkat apabila memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Terengganu dengan sokongan daripada masyarakat Cina dan juga pengundi atas pagar yang menyenangi calon PAS iaitu Abdul Wahid Endut yang ramah, santai dan berpengalaman dalam politik sejak tahun 1990 lagi. Mengenai peranan PAS dalam masyarakat majmuk, Abdul Hadi (2011) menjelaskan bahawa PAS menerima hakikat masyarakat majmuk dan menjadikannya peluang keemasan bagi memperkenalkan Negara Berkeadilan yang berkonsepkan Adil Untuk Semua, dengan kepimpinan Islam yang menekankan perpaduan kaum berasaskan persaudaraan kemanusiaan yang diwajibkan oleh Islam. Apabila dilihat dari sudut perjuangan dalam PAS, Abu Bakar (2011) menghuraikan bahawa PAS terus istiqamah atas matlamat perjuangannya dan menguruskannya untuk mencapai kemeangan berdasarkan kaedah yang syar'i iaitu yang dibenarkan oleh Islam dan jihad yang berterusan. Berkaitan dengan peranan dan pemikiran Tuan Guru Nik Aziz yang begitu popular dalam PAS, Mohd Aizat (2011)

menjelaskan bahawa pemikiran Tuan Guru Nik Aziz sebagai pemimpin PAS yang sederhana dan lemah lembut disegani kawan dan lawan dalam politik serta dikagumi rakyat seluruh negara. Mengenai sokongan terhadap PAS, Mohd. Noor (2011) menjelaskan bahawa PAS sudah mula menerima sokongan daripada masyarakat bandar dan bukan Islam dalam PRU 2008 dan adalah tidak mustahil bahawa PAS boleh menggantikan UMNO pada PRU seterusnya. Dari segi perganungan PAS terhadap sokongan daripada pengundi etnik Melayu, Amer Saifude & Zulkainain (2011) menjelaskan bahawa dalam PRU 2008, PAS masih bergantung kepada undi etnik Melayu untuk menang dalam PRU tersebut dan jika undi Melayu beralih kepada BN maka PAS akan mendapat kerugian dalam percaturan politik di negara ini.

Berkaitan dengan sejarah perjuangan PAS dalam kemerdekaan negara, Riduan (2011) menghujahkan bahawa PAS memperjuangkan sebuah negara merdeka, yang didalamnya taraf dan hak ketuanan Melayu serta agama Islam akan terjamin sepenuhnya dalam erti kata politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan; hak-hak yang halal bagi kaum lain akan diperhati dan dijamin. Apabila dilihat kepada liputan akhbar terhadap PAS, Syed Arabi (2011) menjelaskan bahawa liputan akhbar mengenai pertandingan tiga penjurong antara BN, PAS dan PKR dalam PRU 2004 telah menyumbang kepada perpecahan undi pembangkang seterusnya menguntungkan BN. Mengenai krisis politik dalam PAS, Md. Rozimi & Ahmad Kamal Ariffin (2012) menjelaskan bahawa krisis politik Kelantan 1977 menyebabkan PAS terkeluar daripada pakatan BN seterusnya menyebabkan prestasi PAS dalam PRU 1978 semakin teruk. Berkaitan prinsip perjuangan PAS, Amalina (2012) menyatakan bahawa PAS tidak perlu bersandarkan kepada parti politik lain yang berbeza ideologi, sebaliknya memandu dan membantu UMNO yang dasar perjuangannya hampir sama dengan PAS agar orang Melayu dan Islam bersatu dengan lebih kuat bagi mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara.

Mengenai pengisian kemenangan PAS dalam pilihan raya, Mohd Hasbie (2013) menjelaskan bahawa PAS mempunyai peranan paling berat dalam tempoh 5 tahun iaitu antara 2013-2018 dalam mengisi kemenangan di kawasannya dan menggerakkan strategi bagi memenangi PRU 2018 pada peringkat persekutuan. Dari segi sumber maklumat politik penyokong PAS, Ismail et al. (2013) menjelaskan bahawa majoriti responden yang menyokong PAS menjadikan akhbar Harakah sebagai bahan maklumat dan rujukan mereka di samping kehadiran mereka dalam aktiviti ceramah. Berkaitan dengan peranan PAS dalam pendidikan negara, Riduan (2013) menyatakan bahawa pendidikan adalah wahana untuk mencerdaskan bangsa, maka usaha PAS haruslah dilihat persaingan sihat dalam pendemokrasian pendidikan di negara ini. Mengenai hubungan PAS dengan parti bukan Islam, C.N. Al-Afghani (2013) menjelaskan bahawa tahaluf siasi antara PAS dengan DAP menggambarkan kelemahan PAS dalam mempertahankan prinsip perjuangan Islam selama ini. Harun (2014) menekankan bahawa hukum hudud menekankan pendidikan kemudian barulah diikuti pengawalan dan pencegahan.

Perbincangan mengenai faktor pengekal PAS di Kelantan oleh Habibul Izzah (2014) menjelaskan bahawa antara faktor kekuatan dan pengekal kuasa PAS di Kelantan ialah personaliti Tok Guru Nik Aziz yang terkenal sebagai seorang pendakwah yang sederhana, lemah-lembut dan boleh dibawa berbincang dalam isu politik semasa. Apabila disingkap mengenai faktor kejatuhan PAS di Kedah dalam PRU 2013, Mohd Sayuti (2014) menjelaskan bahawa punca kejatuhan PAS di Kedah dalam PRU 2013 ialah kerana tindakan Menteri Besar PAS iaitu Ustaz Azizan Abd Razak yang terlalu baik dengan pemimpin UMNO Kedah sehingga timbul isu sabotaj terhadap Kerajaan Negeri oleh kakitangan Kerajaan Kedah yang pro-UMNO di samping masalah

kesihatan beliau dan hubungan dingin beliau dengan pimpinan PAS negeri disebabkan keengganan beliau menganugerahkan projek pembangunan Kerajaan Negeri kepada penggerak PAS dan PR Kedah yang menimbulkan kemarahan pimpinan PAS dan PH Kedah seterusnya melemahkan semangat dan motivasi jentera parti untuk mempertahankan Kedah daripada jatuh kepada BN pada PRU 2013.

Dari segi peranan PAS dalam persada politik bergara ini, Mohd Hasbie (2014) menjelaskan bahawa PAS terbukti cemerlang sebagai sebuah parti pembangkang yang berkesan selama 5 dekad. Pelbagai isu yang membelenggu rakyat serta isu berkenaan dengan hal ehwal Islam tidak pernah gagal diperjuangkan sehingga menimbulkan tekanan kepada parti pemerintah agar mentadbir dengan baik. Mengenai strategi PAS dalam menghadapi pilihan raya, Mohammad Ridhaudin & Nur Arfah (2015) menyatakan bahawa kewujudan strategi baru melalui Pakatan Rakyat yang meletakkan ruang yang agak selesa terutamanya dalam perkara calon non Muslim dan calon yang tidak memahami kehendak perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS apabila pembahagian kawasan yang akan mewakili parti masing-masing akan diagihkan kelak. Berkaitan dengan persoalan perpuakan dalam PAS, Syahidulamri (2016) berhujah bahawa perpuakan dalam PAS yang berlaku semasa parti dibawah kepimpinan Abdul Hadi Awang dilihat berada pada tahap kritikal apabila terdapatnya pertembungan blok antara puak konservatif parti dengan neokonservatif parti. Analisis mengenai konflik ideologi dalam PAS dibincangkan oleh Noor Sulastry Yurni (2017) yang menjelaskan bahawa teretusnya konflik ideologi dalam Pakatan Harapan antara PAS, DAP dan PKR yang boleh meruntuhkan pakatan politik tersebut dalam tempoh masa yang singkat.

Berkaitan dengan sejarah PAS dalam politik di negara ini, Mohd Fadli (2019a) menjelaskan bahawa sejarah dan perkembangan PAS dalam tempoh 1951-1957 telah memperlihatkan bagaimana asal mula perjuangan PAS itu tumbuh dan membawa kepada kelahirannya, kemudian PAS mengalami perkembangan organisasi yang begitu pesat ketika dunia tidak memandang kepada Islam sebagai ideologi perjuangan. Enam tahun yang penuh ranjau ini dilalui oleh PAS dengan tenang dan mampu membina kekuatan dirinya dalam memperjuangkan kemerdekaan, menuntut penegakan Negara Islam yang berasaskan Al-Quran dan Sunnah, sekali gus membela watan dan bangsa Melayu. Ternyata perkembangan yang dialami oleh PAS sangat dipengaruhi oleh faktor kepemimpinannya.

Mengenai peranan PAS dalam memperjuangkan kemerdekaan negara ini, Mohd Fadli (2019b) menghuraikan bahawa PAS merupakan satu parti yang turut menyumbang kepada pembinaan negara yang merdeka sejak sekian lama. Usia kemerdekaan 50 tahun tidak sewajarnya menjadi parti yang 'mengkhianati' perjuangan Melayu Islam, sebaliknya harus meletakkan pejuang-pejuang sejati dari kalangan ulama yang takut kepada Tuhannya di tempat yang sewajarnya sebagai mujahid ummah. PAS telah memperlihatkan siskap konsiswtennya terhadap usaha menegakkan Islam dan mempertahankan ketuanan Melayu sama ada berada di kanan atau di kiri. PAS juga mempunyai sikap yang tegas bahawa PAS mesti terus berjuang selagi kemerdekaan sebenar tidak dicapai iaitu tertegaknya Islam dan ketuanan Melayu.

Wan Ji (2019) menerangkan bahawa penunggang agama dalam konteks parti agama ialah fahaman atau pegangan bahawa sesuatu parti itu yang kononnya disandarkan kepada Islam, makanya pendekatan mereka sahaja Islam, sedangkan kelompok ataupun parti lain dianggap sebagai tidak Islam. Mengenai faktor sokongan pengundi terhadap PAS di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Ahmad Lutfi (2019) berhujah bahawa untuk mengalahkan BN/UMNO di



kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia terpaksa menyokong PAS kerana parti tersebut mempunyai jentera parti yang ramai dan kuat di samping ideologi Islam-Melayu yang kukuh yang berwalakkan kepada kepimpinan tertinggi parti tersebut di samping isu RU 355 dan dimomokkan bahawa DAP yang merupakan salah satu parti komponen dalam PH adalah anti Melayu dan anti Islam. Pengundi di Pantai Timur juga terpaksa menyokong PAS kerana bimbang akan diboikot dan diberi tekanan oleh keluarga atau kawan yang merupakan penyokong PAS.

Bagi kajian mengenai PAS dalam persada politik negara, Abdul Rahman, Nor Hayati & Azlina (2019) menyatakan bahawa karya yang agak komprehensif dari segi liputan sejarah dan tumpuan kepada aktor politik Islam yang utama di Malaysia iaitu PAS serta Islam dan politik ialah karya dua jilid yang dihasilkan oleh Farish Noor. Karya itu bertajuk *Islam Embedded: The Historical Development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003)* (Jilid 1 & 2). Buku ini cuba menggarap peranan Islam dalam perkembangan budaya politik Melayu moden dengan menumpukan kepada sejarah dan perkembangan PAS sejak penubuhannya pada 1951 hingga 2003.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi metod kajian, antara kaedah pengumpulan data primer bagi teknik kualitatif ialah menggunakan pemerhatian di lapangan manakala kaedah kuantitatif pula ialah olahan data keputusan PRU-14 (2018) bagi wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di Negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka. Pemerhatian di lapangan dilakukan dengan memerhati suasana kempen PRU-14 yang merangkumi perang poster, *banner*, *bunting* dan *billboard*; sesi ceramah pada waktu malam; sesi *walkabout* calon yang bertanding; dan meninjau reaksi pengundi terhadap situasi, kaedah dan intipati isu kempen. Kaedah pemerhatian di lapangan adalah penting bagi melihat perubahan landskap budaya politik masyarakat setempat, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan untuk menyokong seterusnya mengukuhkan hasil kajian. Kaedah kuantitatif iaitu olahan data keputusan PRU-14 bagi wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di Negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka pula merujuk kepada penelitian terhadap keputusan PRU-14 di kawasan tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi PAS dan jumlah kerusi yang dimenangi PAS. Penelitian terhadap data keputusan PRU-14 tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi PAS dan jumlah kerusi yang dimenangi PAS adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih detail dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder yang merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data-data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (facebook, twitter dan email) bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal.


Bagi penganalisan data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data keputusan PRU-14 bagi wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang melibatkan Negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Keputusan PRU 2018 Secara Keseluruhan dan Prestasi PAS di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan keputusan penuh bagi kesemua 222 kerusi Parlimen selepas berakhir proses penjumlahan undi pada 4.45 pagi pada 10 Mei 2018. Barisan Nasional (BN) memperoleh 79 kerusi, PAS (18), PKR (104), DAP (9), Parti Warisan Sabah (8), Parti Solidariti Tanah Airku (1) dan Bebas (3). Secara keseluruhannya, jumlah peratusan pemilih yang keluar mengundi pada PRU-14 lalu adalah 82.32 peratus (12,299,514 orang) daripada jumlah keseluruhan pemilih berdaftar bagi PRU-14 iaitu 14,940,624 orang. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) memaklumkan bahawa keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) telah diwartakan pada 28 Mei 2018. Dari segi peratusan keluar mengundi dalam PRU 2018 mengikut negeri, Perlis 84.0 peratus, Kedah 72.0 peratus, Pulau Pinang 81.73 peratus, Perak 75.17 peratus, Selangor 77.97 peratus, Negeri Sembilan 81.0 peratus, Melaka 81.0 peratus, Johor 74.5 peratus, Pahang 80.52 peratus, Terengganu 63.0 peratus, Kelantan 75.71 peratus, Sabah 62.0 peratus dan Sarawak 62.0 peratus (Lihat Rajah 1).

Rajah 1: Peratus keluar mengundi pada PRU-14 di Malaysia mengikut negeri



Sumber: SPR (2018)

PH berjaya menewaskan BN dan PAS pada peringkat kerusi parlimen dengan 122-79-18. PH kekal di negeri Selangor dan Pulau Pinang serta berjaya menawan Johor, Negeri Sembilan, Melaka; Kedah, Perak dan Sabah ditawan PH dengan 'lompatan' beberapa ADUN BN. BN kekal di Pahang dan Perlis manakala PAS kekal di Kelantan dan berjaya menawan Terengganu daripada BN. Dari segi perincian kerusi Parlimen yang dimenangi PH mengikut komponen, PKR menang di 49 kerusi (menjadi 52 kerusi setelah 3 MP Bebas iaitu 1 di WPKL dan 2 di Sarawak menyertai PKR selepas PRU 2018), DAP 42, PPBM 12, AMANAH 10 dan WARISAN 8 (menjadi 9 setelah MP BN bagi Tuaran menyertai WARISAN). Dari segi undi popular, PKR/PH mendapat 50.1 peratus (5,685,252 undi), BN 31.9 peratus (3,624,921 undi) dan PAS 18.0 peratus (2,043,159 undi). Berbanding PRU 2013 (133 kerusi), BN kehilangan 54 kerusi pada PRU 2018 kepada 79 kerusi. Dari segi UMNO, pada PRU 2018 meletakkan di 120 kerusi Parlimen hanya mampu menang di 54 kerusi berbanding menang 88 kerusi pada PRU 2013. MCA hanya menang 1 (Ayer Hitam) daripada 39 kerusi yang ditandingi, MIC menang 2 (Tapah dan Cameron Highlands) daripada 9, GERAKAN tewas di kesemua 11 kerusi yang ditandinginya, MyPPP tewas di kerusi tunggalnya (Segambut). PBS menang 1 (Kota Marudu) daripada 5 kerusi yang ditandingi, UPKO menang 1 (Tuaran) daripada 4, PBRS menang di kerusi tunggal yang ditandingi (Pensiangan) manakala LDP tewas di kerusi tunggalnya di Sandakan. Di Sarawak, BN berjaya menyumbang 19 kerusi daripada 31 kerusi iaitu PBB (13), PRS (3), PDP (2) dan SUPP (1). Dari segi undi popular mengikut negeri, Selangor kekal sebagai kubu terkuat PH di negara ini dengan mendapat 65 peratus undi popular, diikuti BN (19 peratus) dan PAS 916 peratus. Negeri Johor yang sebelum terkenal sebagai 'kubu terkuat' BN-UMNO pula 'runtuh' dengan penguasaan PH sebanyak 59 peratus, BN 33 peratus dan PAS 8 peratus. Sabah pula dikuasai PH dan WARISAN dengan 67 peratus, 32 peratus BN dan hanya 1 peratus untuk PAS. BN kekal dominan di Sarawak dengan undi popular sebanyak 53 peratus, PH 46 peratus dan PAS hanya 1 peratus. 27 daripada 52 kerusi Parlimen FELDA pula dimenangi PKR dan PAS. Calon yang memperoleh majoriti undi yang paling tinggi bagi kerusi Parlimen ialah Tony Phua (PKR/DAP) bagi Parlimen Damansara yang mendapat 106,903 undi majoriti, manakala calon yang memperoleh majoriti undi yang paling rendah bagi kerusi Parlimen ialah Datuk Dr. Jeffry Kitingan (STAR/SOLIDARITI) bagi Parlimen Keningau yang mendapat 45 undi majoriti.

Secara keseluruhannya, terdapat 269 calon yang hilang wang deposit (calon yang gagal memperoleh 1/8 atau 12.5 peratus daripada jumlah keseluruhan undi yang dikira) pada PRU 2018 ini. Pulau Pinang paling ramai hilang wang deposit iaitu 71 kerusi (8 calon Parlimen dan 63 calon DUN); Kelantan 48 calon (38 calon DUN dan 10 calon Parlimen); Negeri Sembilan 40 calon (8 calon Parlimen dan 32 calon DUN); Perak 20 calon; Terengganu 23 calon (19 calon DUN dan 3 calon Parlimen); Sarawak 14 calon; Johor 64 calon (19 calon Parlimen dan 45 calon DUN); dan Sabah 166 calon (46 calon Parlimen dan 120 calon DUN). Sebanyak 20 calon Parlimen dan DUN di Perak hilang wang pertaruhan iaitu yang mendapat undi kurang daripada 1/8 daripada jumlah keseluruhan undi di kawasan yang ditandingi di kawasan masing-masing iaitu 4 BN, 9 PAS, 5 PSM dan 2 BERJASA. Di Kedah pula, 8 calon hilang wang pertaruhan iaitu 1 bagi DUN iaitu 1 calon Bebas, manakala bagi kerusi Parlimen, 4 PRM dan 3 calon Bebas. Di Pahang, 9 calon hilang wang pertaruhan iaitu 2 calon Bebas dan 1 calon BERJASA di Parlimen; bagi DUN pula 1 PKR, 1 PAS, dan 2 Bebas. Di Selangor pula, 65 calon hilang duit deposit iaitu 46 DUN dan 19 Parlimen antaranya calon BN di DUN Kampung Tunku dan DUN Bukit Gasing, serta calon PAS di DUN Seri Serdang DUN Kinrara dan DUN Seri Setia. Bagi kerusi Parlimen pula, calon PAS hilang



deposit di Parlimen Pandan. Di Terengganu pula, PKR hilang wang deposit di 23 kerusi iaitu 19 bagi DUN dan 3 Parlimen. Di Sarawak, 14 calon Parlimen hilang wang pertaruhan iaitu 4 PAS, 3 STAR, 2 Parti Rakyat Gabungan Jaksa Pendamai, 2 Bebas, 1 PKR, 1 PBDSB dan 1 Parti Bumi Kenyalang. Di Negeri Sembilan, 40 calon hilang wang deposit iaitu bagi Parlimen ialah 7 calon PAS dan 1 PAP; bagi DUN pula 25 daripada 27 calon PAS, 5 PAP, 1 BN dan 1 Bebas. Di Johor pula, 64 calon termasuk 19 calon Parlimen hilang wang deposit dengan PAS 46 kerusi dan calon Bebas 8 kerusi.

PAS yang bertanding secara bersendirian (158 bagi kerusi Parlimen dan 393 bagi kerusi DUN '236 DUN pada PRU2013') mengalami calon kehilangan wang pertaruhan paling ramai iaitu 50 bagi Parlimen dan 96 bagi DUN yang berjumlah 146 kerusi kesemuanya yang melibatkan kerugian sebanyak RM1.345 juta (Parlimen RM690,000 dan DUN RM655,000). PAS tewas di 40 kerusi daripada 41 kerusi yang ditandingi di DUN Johor, tewas di semua 24 kerusi DUN Melaka, tewas semua 27 kerusi DUN yang ditandingi di Negeri Sembilan, tewas semua 18 kerusi DUN yang ditandingi di DUN Sabah. Secara keseluruhannya, dari segi kerusi DUN, PAS tewas lebih 80 peratus di 6 negeri iaitu 97.8 peratus di Selangor, 97.6 peratus di Johor, 95.2 peratus di Pulau Pinang, 93.2 peratus di Perak, 86.7 peratus di Perlis dan 80.5 peratus di Pahang. Bagi kerusi Parlimen, daripada 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan yang PAS bertanding, hanya Kedah, Kelantan, Terengganu yang mendapat kerusi Parlimen. Ini bermakna, PAS kalah teruk di 81.3 peratus dengan hanya menang 18 kerusi daripada 158 kerusi Parlimen yang ditandingi parti tersebut.

Bagi wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia, untuk kerusi Parlimen keseluruhannya terdapat 48 kerusi di wilayah ini. PAS bertanding 41 kerusi dan tewas di kesemua kerusi yang ditandingi (Lihat dalam Jadual 1). Untuk kawasan Parlimen terutamanya di negeri Selangor, PAS meskipun tewas, PAS masih mampu memperoleh jumlah undi yang agak tinggi seperti di Sabak Bernam (9,300 undi), Sungai Besar (7,220 undi), Hulu Selangor (16,620 undi), Tanjong Karang (7,276 undi), Kuala Selangor (8,535 undi), Selayang (18,343 undi), Gombak (17,537 undi), Ampang (9,598 undi), Pandan (8,336 undi), Hulu Langat (15,663 undi), Bangi (33,789 undi), Puchong (10,255 undi), Petaling Jaya (14,448 undi), Sungai Buloh (16,997 undi), Shah Alam (15,194 undi), Kapar (31,425 undi), Klang (9,169 undi), Kota Raja (19,555 undi), Kuala Langat (18,731 undi), dan Sepang (15,882 undi). Di Kuala Lumpur juga PAS mendapat banyak undi di Batu (10,610 undi), Wangsa Maju (13,490 undi), Setiawangsa (6,282 undi), Titiwangsa (6,845 undi), Bandar Tun Razak (7,884 undi) dan Putrajaya (3,634 undi). PAS mendapat undi yang besar di kawasan-kawasan Parlimen tersebut disebabkan sesetengah kawasan mempunyai pusat pengajian agama Islam yang banyak, PAS dilihat serius untuk mengambil alih Putrajaya, PAS dilihat bersih dari rasuah dan penyelewengan kuasa di samping undi mereka atas dasar untuk menggantikan UMNO sebagai parti umat Melayu-Islam.

Jadual 1: Pecahan calon Parlimen yang ditandingi dan dimenangi oleh PAS pada PRU 2018 bagi negeri-negeri wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia

| Negeri                      | Jumlah kerusi Parlimen | PAS       |          |
|-----------------------------|------------------------|-----------|----------|
|                             |                        | Tanding   | Menang   |
| <b>WPKL &amp; Putrajaya</b> | 12                     | 8         | 0        |
| <b>Selangor</b>             | 22                     | 20        | 0        |
| <b>Negeri Sembilan</b>      | 8                      | 8         | 0        |
| <b>Melaka</b>               | 6                      | 5         | 0        |
| <b>JUMLAH</b>               | <b>48</b>              | <b>41</b> | <b>0</b> |

Sumber: SPR (2018)

Untuk kerusi DUN keseluruhannya terdapat 120 kerusi di wilayah ini. PAS bertanding 98 kerusi dan menang hanya 1 kerusi DUN (Lihat dalam Jadual 2). Bagi kerusi DUN, PAS hanya menang 1 kerusi DUN di Selangor iaitu di DUN Sijangkang, Selangor. Calon PAS iaitu Dr. Ahmad Yunus Hairi memperoleh 12,688 undi menewaskan calon PH-PPBM iaitu Mohd Hamidi Abu Bakar (11,011 undi) dan calon UMNO/BN iaitu Sulaiman Mohd Karli (10,420 undi). Dengan itu, PAS menang dengan majoriti 1,677 undi dengan peratus keluar mengundi sebanyak 87.80 peratus dan 458 undi rosak. PAS terus memenangi kawasan ini sejak PRU 2008 hingga PRU 2018 iaitu tiga penggal berturut-turut disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya kawasan tersebut adalah majoriti etnik Melayu (68.5 peratus) yang hampir keseluruhannya menyokong parti tersebut. Ini kerana di kawasan ini dari segi demografi pengundinya adalah ramai orang yang 'kuat agama' terutamanya golongan tua yang berpegang kuat kepada ajaran Islam yang diperjuangkan PAS di samping terdapat banyak pondok dan pusat pengajian Islam serta sekolah agama Islam swasta yang pro-PAS yang menerapkan nilai Islam yang secara kebetulannya mempunyai imej seperti perjuangan PAS. Faktor lain yang menjadi kemenangan calon PAS di DUN Sijangkang ialah faktor peribadi calon PAS di kawasan tersebut ialah YB Dr. Ahmad Yunus Hairi yang mesra dan ambil berat terhadap pengundi di kawasannya sejak PRU 2008 lagi, pengalaman YB Dr. Ahmad Yunus Hairi sbg bekas EXCO Kerajaan Selangor, jentera parti PAS yang cekap dan sistematik dalam urusan pendaftaran pemilih dan culaan parti serta urusan kmpen dan merayu undi, dan sentimen Melayu-Islam untuk PAS ganti UMNO.

Meskipun PAS hanya menang di satu kerusi DUN iaitu di DUN Sijangkang namun PAS masih mendapat banyak undi terutamanya di kawasan majoriti Melayu di DUN Sungai Air Tawar (3,997 undi), Sabak (6,183 undi), Sungai Panjang (6,999 undi), Batang Kali (7,408 undi), Sungai Burong (6,411 undi), Jeram (4,326 undi), Kuang (5,672 undi), Taman Templer (10,459 undi), Gombak Setia (11,758 undi), Hulu Kelang (7,573 undi), Lembah Jaya (7,358 undi), Pandan Indah (7,517 undi), Dusun Tua (7,771 undi), Semenyih (6,966 undi), Sungai Ramal (13,961 undi), Kota Anggerik (9,943 undi), Meru (7,804 undi), Sementa (7,696 undi), Selat Klang (11,766 undi), Sungai Kandis (7,573 undi), Morib (7,329 undi) dan Dengkil (8,422 undi)

Jadual 2: Pecahan calon DUN yang ditandingi dan dimenangi oleh PAS pada PRU 2018 bagi negeri-negeri wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia

| Negeri                 | Jumlah<br>kerusi<br>DUN | PAS     |        |
|------------------------|-------------------------|---------|--------|
|                        |                         | Tanding | Menang |
| <b>Selangor</b>        | 56                      | 47      | 1      |
| <b>Negeri Sembilan</b> | 36                      | 27      | 0      |
| <b>Melaka</b>          | 28                      | 24      | 0      |
| <b>JUMLAH</b>          | 120                     | 98      | 1      |

(Sumber: SPR, 2018)

Secara keseluruhannya, antara faktor sokongan pengundi kepada PAS ialah atas dasar Islam dan Melayu, faktor PAS boleh menggantikan ganti UMNO sebagai parti berteraskan Melayu-Islam dan keyakinan pengundi terhadap jentera parti PAS. Bagi faktor pengundi tidak menyokong PAS dapat dilihat kepada 3 perkara iaitu perspektif PAS terhadap pengundi, faktor parti PAS itu sendiri dan faktor isu semasa. Bagi faktor pengundi tidak menyokong PAS mengikut perspektif PAS terhadap pengundi ialah pengundi di kawasan Pantai Barat tidak mempunyai asas kefahaman terhadap Islam yang kuat, kurang pengetahuan agama, pengundi bersikap materialistik dan lebih pentingkan hiburan berbanding program agama, berfikiran kawasan mereka akan mundur seperti Negeri Kelantan yang sedang diperintah oleh PAS sekarang, dan pengaruh atau fitnah daripada media sosial seperti PAS terpalit dengan RM 90 juta dan bersubahat dengan BN/UMNO. Bagi faktor pengundi tidak menyokong PAS kerana parti PAS pula, pengundi melihat PAS terlalu mementingkan undang-undang hudud dan RUU335 yang bersifat menghukum, kurang fokus manifesto kepada masyarakat bukan Islam, kepuakan ahli PAS yang memandang serong kepada bukan ahli atau penyokong PAS, dan memandang serong terhadap orang biasa yang tidak kuat agama seperti orang PAS. Bagi faktor pengundi tidak menyokong PAS kerana isu semasa pula ialah kerana isu salah guna duit RM90 juta, isu undi PAS = undi BN/UMNO yang dilihat rasuah (isu 1MDB) serta pro cukai GST.

### **Faktor Penerimaan dan Penolakan Terhadap PAS di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia**

#### **i) Faktor sokongan terhadap PAS**

Faktor yang paling utama pengundi masih menyokong PAS kerana ramai yang yakin dengan perjuangan Islam yang PAS bawa. Hal ini kerana parti tersebut sememangnya sudah dikenali dengan membawa wadah Islam dalam perjuangan mereka. Oleh itu, wujudnya slogan ‘Membangun bersama Islam’ yang mana PAS dilihat bersungguh-sungguh mahu melaksanakannya dalam pentadbiran Malaysia dengan mengambil ‘role model’ Kelantan sebagai contoh yang dilihat berjaya dalam mengekalkan konsep ‘Membangun bersama Islam’. Hal ini juga telah dibuktikan dengan kata-kata dan tindakan dari pemimpin PAS sendiri yang serius untuk memperkasakan agenda Islam di Malaysia dan mempunyai integriti dalam mentadbir negara. Disebabkan itu, rata-rata pengundi Melayu amat berharap ianya dapat direalisasikan dan tidak

teragak-agak memberi undi kepada PAS kerana parti itu dilihat memperjuangkan Islam yang sebenar dan tegas dengan prinsip Islam yang menjamin keadilan kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa.

PAS yang tiada kes rasuah dan penyelewengan merupakan faktor yang dilihat oleh pengundi dalam memberi undi kepada PAS. Hal ini kerana jika dibandingkan dengan pemimpin dari parti lain yang sentiasa terpalit dengan isu rasuah, PAS pula bersih dari isu tersebut. Walaupun baru-baru ini sebelum bermulanya PRU-14 PAS terpalit dengan kontroversi penerimaan duit RM90 juta oleh Sarawak Report sehingga menjejaskan kredibiliti parti itu, akhirnya parti itu berjaya membersihkan nama dan imej parti mereka. Malahan menurut Nurul Riduan (2019) dalam laporan di Sinar Harian, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih lagi melakukan penyiasatan terhadap parti itu dan ini juga menunjukkan bahawa parti itu masih belum dibuktikan lagi bersalah selagi belum terbukti bersalah.

PAS juga dilihat lebih banyak membela/mempertahankan bangsa Islam dan Melayu. Hal yang demikian kerana, PH dilihat terlalu lemah dan bersikap acuh tidak acuh untuk membela bangsa Melayu dan Islam. Disebabkan itu juga, pengundi Melayu lebih banyak memberi undi kepada PAS kerana parti itu dilihat bersungguh-sungguh membela nasib bangsa Melayu dan berusaha mempertahankan agama Islam dari ditindas di tanah air sendiri. Tambahan pula kini, ramai pengundi Melayu lihat pemimpin PH lebih banyak mengikut telunjuk DAP sehingga merasakan bahawa DAP berusaha menghapuskan hak istimewa orang Melayu dan mengganggu gugat Islam (Annonymous 2018).

Pengundi Pantai Barat menjadikan Negeri Kelantan sebagai 'role model' sebab parti PAS menang setiap penggal dalam PRU. Hal ini menjadikan parti PAS antara parti pilihan penyokong di Pantai Timur Semenanjung. PAS berjaya menawan Kelantan pada PRU-8 dan ini bererti yang parti itu berjaya menawan Kelantan selama 29 tahun (Hanafiah 2019). Disebabkan itu juga, pengundi di Terengganu mengikut jejak langkah pengundi di Kelantan dengan memilih PAS pada PRU-10 yang berlangsung pada tahun 1999. Walaupun kepimpinan di Terengganu berubah silih berganti namun pada PRU-14, PAS berjaya menawan Terengganu semula dari BN dengan membentuk majoriti mudah. Selain itu, di Kedah juga turut mengalami perubahan kerajaan semasa PRU-12 yang mana PAS berjaya menumbangkan BN. Walaupun begitu, pengaruh PAS di kawasan Pantai Barat tidaklah sehebat di Pantai Timur tetapi terdapat juga pengundi yang akan memberi undi kerana tertarik dengan contoh yang dibawa oleh Kerajaan PAS di Kelantan dan berharap agar impian itu akan terlaksana.

Faktor sokongan lain adalah pengundi yakin dengan parti majoriti yang disokong oleh orang Melayu. Jika dibandingkan dengan parti politik yang lain seperti BN, PKR mahupun DAP, jumlah penyokong dan ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang agama dan budaya yang berbeza. Oleh itu, kebanyakan pengundi Melayu lagi selesa mengundi parti yang mewakili hak dan suara masyarakat Melayu sendiri. Disebabkan itu, tidak hairanlah kebanyakan kawasan yang dimenangi oleh PAS banyak disumbang oleh pengundi Melayu yang rata-ratanya banyak tinggal di kawasan luar bandar. Oleh itu tidak hairanlah jika PAS memiliki penyokong yang ramai di kawasan luar bandar.

Seterusnya adalah pengundi mempunyai perasaan taksib dengan pemerintahan PAS yang menjadi identifikasi mereka. Parti PAS ini lebih sinonim dengan kawasan Pantai Timur jika dibandingkan dengan kawasan Pantai Barat yang lebih selesa dengan pemerintahan BN dan PH. Hal ini kerana, masyarakat di Pantai Timur telah diasuh sejak dari kecil untuk memilih PAS dan

ini menyebabkan mereka lebih taksud dengan parti itu. Selain itu, pengaruh media alternatif di kawasan Pantai Timur iaitu pengaruh ceramah agama yang disampaikan oleh tokoh agama seperti Ustaz Azhar Idrus (UAI) yang menyelit unsur tarikan kepada parti PAS turut menarik minat pengundi untuk memberi undi kepada PAS. Tambahan pula, tokoh ini turut sama turun padang untuk menyebarkan dakwah dan mendekati masyarakat untuk menyebarkan dakwah telah menarik perhatian masyarakat untuk mendekati Islam dan meyakinkan masyarakat juga untuk memberi undi kepada PAS. Malahan UAI tanpa segan silu menyeru orang ramai supaya yakin dengan kepimpinan ulama dan hanya parti PAS saja yang dipimpin oleh golongan agamawan (Aisyah 2017 & Shakira 2018). Oleh itu, kawasan Pantai Barat juga turut terkena tempias dengan pengaruh UAI dan ini juga sedikit sebanyak telah menarik minat pengundi di kawasan tersebut mengundi PAS serta mendekati Islam.

Faktor yang terakhir adalah pengundi di Pantai Barat Semenanjung tiada pilihan lain dalam memilih parti yang berteraskan Islam. Hal yang demikian kerana, parti PAS ini dilihat lebih menonjol dalam memperjuangkan agama Islam dan kaum Melayu. Walaupun UMNO dilihat membela orang Melayu, namun parti itu dilihat sangat jarang memperjuangkan isu-isu Islam dengan lebih agresif. Oleh kerana pilihan parti yang terhad, maka pengundi di Pantai Barat memilih PAS kerana sekurang-kurangnya agama Islam akan terus menjadi nadi perjuangan PAS dan nasib bangsa Melayu juga akan lebih terbela pada masa akan datang.

## **ii) Faktor penolakan terhadap PAS**

Sebelum PRU-14, Sarawak Report telah mendedahkan sejumlah wang rasuah berkaitan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) sebanyak RM90 juta telah diterima oleh PAS dalam menarik sokongan kepada BN. Fitnah PAS menerima wang ini merupakan antara faktor terbesar penolakan PAS di Pantai Barat Semenanjung kerana selama ini parti itu dianggap bebas rasuah malahan menentang parti/pemimpin BN dan PH yang terlibat dalam gejala itu. Pendedahan mengenai rasuah ini menyebabkan parti itu kehilangan sokongan dalam PRU-14 di kawasan Pantai Barat dan sekaligus mencemarkan imej parti Islam itu. Keadaan juga bertambah buruk apabila Sarawak Report menyiarkan semula artikel mengenai PAS yang menerima wang tersebut walaupun PAS telah menarik balik saman fitnah terhadap Sarawak Report dan menyelesaikannya di luar mahkamah (Malaysiakini 2019). Namun begitu, ramai yang beranggapan bahawa PAS sememangnya menerima wang tersebut dan bersekongkol dengan BN kerana penyiaran semula artikel itu sedikit sebanyak menjejaskan sokongan dari pengundi untuk parti itu.

Faktor penolakan pengundi di Pantai Barat Semenanjung adalah fitnah/khabar angin mengenai pergabungan PAS dengan UMNO. Seperti yang diketahui bahawa UMNO dan PAS pernah menjalinkan kerjasama yang pertama adalah semasa tahun 1969 iaitu selepas peristiwa 13 Mei yang telah terjadi ketika itu. PAS sebenarnya ditubuhkan atas inisiatif ulama-ulama dalam UMNO yang cuba mengisi ruang kerana tiadanya wadah Islam dalam UMNO. Ahmad Fuad Hassan merupakan presiden PAS pertama dan beliau merupakan Ahli Bahagian Agama UMNO yang menjadi tulang belakang dalam penubuhan PAS. Kini, sejarah itu berulang kembali apabila UMNO dan PAS mula mengorak langkah untuk bekerjasama selepas PRU-14. Walaupun tujuan asalnya untuk mengurangkan jurang perpecahan pengundi Melayu dan persiapan untuk menentang PH dalam menghadapi PRU-15, namun kerjasama ini dilihat seperti tidak akan kekal lama. Ramai pengundi melihat kerjasama ini tidak akan bertahan lama dan apatah lagi untuk mengekalkan



momentum itu sehingga ke PRU-15 kerana kedua-dua parti politik ini memiliki matlamat dan arah tuju yang berbeza. Hal ini pernah dinyatakan dalam laporan oleh Nazura (2019) menerusi Berita Harian dan Shakira (2019) dalam Malaysiakini menunjukkan PAS dan UMNO masih sangsi lagi untuk bekerjasama.

Faktor yang seterusnya adalah masyarakat tidak yakin dengan keupayaan PAS memerintah negara. Hal ini kerana, PAS dilihat hanya mampu memerintah negeri sahaja kerana skalanya lebih kecil. Sebagai contoh, negeri Kelantan yang mana PAS telah memerintah negeri itu selama 29 tahun iaitu sejak parti itu berjaya menumbangkan BN pada PRU-8. Selain itu, PAS juga pernah memerintah Kedah dan Terengganu dan ini menunjukkan PAS tidak mempunyai pengalaman dan keupayaan untuk memerintah negara. Tambahan pula, persepsi pengundi terhadap pemerintahan PAS di negeri-negeri tersebut adalah negatif dan dianggap terlalu Islamik, tidak moden, mundur dan tidak serasi dengan kerajaan pusat. Keadaan ini membuatkan pengundi di Pantai Barat Semenanjung menolak PAS kerana tidak mahu negeri mereka mengalami nasib yang sama seperti di Kelantan.

Selain itu, pengundi di Pantai Barat Semenanjung Malaysia menolak kepimpinan PAS kerana parti itu kurang kefahaman dalam pentadbiran negara jika dibandingkan dengan pemerintahan kerajaan BN dan PH. Hal ini juga berkait dengan kekalahan parti itu dalam setiap PRU dan juga manifesto yang dibawa kurang meyakinkan pengundi. PAS juga dilihat hanya mampu mentadbir negeri saja terutama di Pantai Timur Semenanjung kerana perjuangan mereka dilihat amat sesuai di sana berbanding di kawasan Pantai Barat Semenanjung. Contohnya adalah PAS kurang jelas dalam memahami isu 1MDB selepas pertemuan dengan CEO 1MDB iaitu Arul Kanda yang mana pemimpin PAS sendiri berpuas hati dengan penerangan tersebut. Keadaan ini sudah tentu mengecewakan memandangkan kes 1MDB ini terlampau besar sehingga disiasat pelbagai negara namun PAS dilihat tiada pendirian dalam hal ehwal ini.

PAS juga dilihat ekstrem dalam memperjuangkan isu agama mengikut persepsi pengundi di Pantai Barat Semenanjung. Tidak seperti parti politik yang lain yang mengamalkan ajaran Islam secara sederhana, PAS pula dilihat mengamalkan ajaran Islam secara radikal dan melabelkan seseorang/parti politik yang tidak sehaluan dengan pandangan mereka dengan kata-kata negatif yang dilihat tidak sesuai dengan matlamat asal parti politik tersebut. Keadaan ini membuatkan pengundi Islam dan bukan Islam takut mendekati parti itu apatah lagi untuk menyokong dan memberi undi kepada mereka dalam pilihan raya kerana PAS dilihat kurang memahami situasi negara yang penduduknya berbilang kaum dan menganuti pelbagai agama. Tambahan pula, PAS sentiasa banyak memperjuangkan isu keagamaan dan ini menyebabkan pengundi beranggapan yang PAS hanya tahu hal ehwal Islam berbanding dengan hal pentadbiran negara. Slogan PAS sendiri iaitu “Membangun Bersama Islam” itu juga kedengaran Islamik dan ini membuatkan pengundi Islam dan pengundi bukan Islam beranggapan PAS terlalu radikal.

Faktor yang lain adalah pengundi melihat pemimpin PAS menggunakan isu agama untuk melepaskan diri. Setiap pemimpin yang terjerat dalam pelbagai isu yang berkaitan dengan dirinya atau parti politik yang diwakilinya akan cuba melepaskan diri dengan memberi pelbagai 1001 alasan sama ada alasan itu kukuh ataupun tidak masuk akal. Namun begitu, pengundi di kawasan Pantai Barat Semenanjung ini melihat PAS lebih banyak menggunakan isu agama untuk melepaskan diri mereka dari terjerat dengan hal ehwal semasa. Keadaan ini membuatkan pengundi melihat PAS seperti mempermainkan agama dan mengaitkan isu-isu semasa dengan hal keagamaan. Hal ini membuatkan pengundi menolak kepimpinan PAS kerana timbulnya perasaan

kurang selesa dan kelihatan seperti memperbodohkan pengundi. Adakalanya ia keterlaluan dan menyimpang jauh dari matlamat perjuangan asal dan juga mencemari ajaran Islam itu sendiri.

Faktor yang terakhir adalah PAS tidak menjalankan aktiviti dakwah orang Islam sendiri secara meluas. Hal yang demikian kerana dilihat PAS hanya pandai menghentam pihak lawan demi kepentingan pemimpin dan parti. Sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam, sepatutnya PAS lebih giat menjalankan aktiviti dakwah secara berhemah untuk menarik perhatian pengundi dan golongan bukan Islam untuk mendekati mereka. Namun begitu, PAS memilih untuk menghentam pihak yang tidak sependapat dengan mereka dan demi kepentingan diri dan parti itu. Antaranya adalah menerusi laporan dari Ariffuddin (2012) menerusi akhbar Sinar Harian dan Mstar Online (2013) yang menyatakan bahawa Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz yang pernah mengeluarkan kenyataan undi PAS masuk syurga yang dilihat hanya untuk kepentingan diri dan parti.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, PAS sukar mendapat sokongan padu daripada pengundi di kawasan Pantai Barat kerana ketidakyakinan pengundi terhadap kemampuan PAS dengan mengambil contoh pemerintahan PAS di Kelantan yang menyebabkan rakyat di negeri tersebut terus dibelenggu kemiskinan dan kemudahan infrastruktur yang kurang baik seperti bekalan air terhadap dan jalan raya yang tidak dapat menampung pengguna terutamanya pada musim perayaan. Selain itu, PAS di Pantai Barat juga gagal mendapat sokongan daripada orang bukan Islam kerana PAS kurang memberi perhatian kepada kebajikan orang bukan Islam tersebut. Dengan demografi pengundi Melayu di kawasan Pantai Barat antara 50-60 peratus sahaja dan gagal mendapat sokongan daripada orang bukan Islam maka PAS terus gagal mendapat sokongan pengundi secara keseluruhan di kawasan Pantai Barat sekiranya parti itu terus bergerak bersendirian dan tidak mahu berkompromi atau bertoleransi dengan pakatan politik dengan parti politik yang lain. Justeru, PAS perlu berusaha lebih keras dan perlu mengubah gaya mereka dalam berkempen untuk menawan hati pengundi di kawasan Pantai Barat dengan bersikap lebih sederhana, tidak bersikap ingin mendominasi dalam segala perkara dan boleh menerima keputusan majoriti dalam sesuatu pakatan politik dengan parti politik lain. Oleh itu, implikasi penulisan artikel ini dapat memberi saranan kepada PAS untuk membentuk strategi baru dari segi psikologi dan pemikiran bagi menawan hati pengundi di wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia di samping dapat menambahkan lagi data dan analisis kajian mengenai parti PAS di negara ini.

## **RUJUKAN**

- Abu Bakar Chik. (2011). *60 Tahun PAS: Memacu Perubahan, Mengurus Kemenangan*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai MTT.
- Abdul Hadi Awang. (2005). *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd.
- Abdul Hadi Awang. (2011). *Konsep Asas Negara Berkeadilan*. Kuala Lumpur: Pejabat Presiden PAS & Dewan Ulamak PAS Pusat.

- Abdul Rahman Embong, Nor Hayati Sa'at & Azlina Abdullah. (2019). *Penyelidikan Sains Sosial Malaysia Pasca Merdeka*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Lutfi Othman. (2019). *Revolusi Tanpa Darah: Keberanian Rakyat Malaysia Tumbangkan Rejim Kleptokrat UMNO-BN Dalam PRU14*. Ampang: Penerbit Ahmad Lutfi Othman.
- Aisyah Yamin. (2017). Yakinlah dengan Kepimpinan Ulamak- Ustaz Azhar Idrus. *Harakah Daily*. Dicapai di [https://berita.pas.org.my/yakinlah-dengan-kepimpinan-ulamak-ustaz-azhar idrus/](https://berita.pas.org.my/yakinlah-dengan-kepimpinan-ulamak-ustaz-azhar-idrus/) pada 9 November 2019.
- Amalina Arshad. (2012). *UMNO PAS PKR: Semua Tak Betul? Siapa Betul?*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Amer Saifude Ghazali & Zulkanain Abdul Rahman. (2011). Pilihan Raya Umum ke-12: Tinjauan Mengenai Corak Pengundian. Dlm. Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor. *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ariffuddin Ishak. (2013). Nik Aziz Seru Calon BN undi PAS, Masuk Syurga. *Mstar Online*. Dicapai di <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/07/19/nik-aziz-seru-calon-bn-undi-pas-masuk-syurga> pada 1 November 2019.
- Anonymous. (2018). Apa Nasib Islam di Era PH? *Harakah Daily*. Dicapai di <https://berita.pas.org.my/apa-nasib-islam-di-era-ph/> pada 11 November 2019.
- Anonymous. (2012). Undi PAS Masuk Syurga Janji Kosong. *Sinar Harian*. Dicapai di <https://www.sinarharian.com.my/politik/undi-pas-masuk-syurga-janji-kosong-1.36676> pada 1 November 2019.
- Azmil Tayeb. (2018). The Green wave of PAS on the East Coast of Peninsular Malaysia. In Francis Loh & Anil Netto. *Regime Change in Malaysia: GE 14 and the End of UMNO-BN's 60-Year Rule*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- C.N. Al-Afghani. (2013). *Khianatkah Aku?*. Alor Setar: C.N. Al-Afghani
- Dewan Ulamak PAS Pusat. (2009). *25 Tahun Kepimpinan Ulamak: Membangun Bersama Islam*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd.
- Habibul Izzah Ahmad. (2014). *Tok Guru: Sebuah Biografi Awal*. Kota Bharu: Penerbit Pemikiran Tok Guru Sdn Bhd.
- Hanneeyzah Bariah Baharin. (2019). Dana 90 Juta: PAS Tunggu Hasil Siasatan- Hadi. *Berita Harian*. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/02/530273/dana-rm90-juta-pas-tunggu-hasil-siasatan-hadi> pada 1 November 2019.
- Harun Din. (2014). *Jom! Kenali Hudud*. Shah Alam: PNS Publications.
- Ismail Sualman, Siti Zabedah Mohd Shariff, Amelia Abdul Aziz & Noraini Yusof. (2013). Media dan Isu Pilihanraya ke 13: Analisis Trend Pengundian di Selangor. Dlm. *Media dan Pilihanraya Umum Ke 13*. Pnyt. Ismail Sualman, Suhaimie Saahar@Saabar. Kuala Lumpur: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Lotfi Ismail. (2003). *Hadi PM Malaysia Ke-6?*. Kota Bharu: Lotfi Ismail.
- Malaysiakini. (2019). Sarawak Report Tak Ada Bukti PAS Terima RM90 Juta- Tuan Ibrahim. *Malaysiakini*. Dicapai di <https://www.malaysiakini.com/news/462746> pada 2 November 2019.
- Md. Rozimi Mohd Nasir & Ahmad Kamal Ariffin Md Rus. (PAS). Kelantan Sehingga Pengisytiharan Darurat 1977. *Demokrasi dan Pilihan Raya*. 1(1): 43.60

- Mohammad Ridhaudidin Mohd Salleh & Nur Arfah Abdul Sabian. (2015). *Tahaluf Siyasi: Antara Peluang dan Prinsip*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Mohd Aizat Mohd Salleh. (2011). *Pemikiran Tuan Guru*. Batu Caves: PTS Millinennia Sdn. Bhd.
- Mohd Amin Yaakub. (2001). *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.
- Mohd Fadli Ghani. (2019a). *PAS 1951-1957: Penubuhan, Dinamisme Organisasi, Kepemimpinan dan Ideologi*. Kuala Lumpur: KUIZM Publication.
- Mohd Fadli Ghani. (2019b). *PAS & Merdeka: Perjuangan dan Sumbangan*. Rawang: Minda Fadhilat Gemilang Resources.
- Mohd Hanafiah Hashim. (2009). 29 Tahun PAS Tawan Hati Rakyat Kelantan. Sinar Harian. Dicapai di <https://www.sinarharian.com.my/article/27029/Analisis-Sinar/29-tahun-Pas-tawan-hati-rakyat-Kelantan-pada-4-November-2019>.
- Mohd Hasbie Muda. (2013). *Kemenangan yang Tertangguh: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 dan Unjuran Kemenangan Masa Hadapan*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Mohd Hasbie Muda. (2014). *PAS & Pilihan Raya*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Mohd Sayuti Omar. (2014). *Inside Story: Kejatuhan Kerajaan PAS Kedah*. Kuala Lumpur: Tinta Merah
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2009). *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Nazura Ngah. (2019). Kerjasama PAS-UMNO Masih Timbulkan Sangsi. *Berita Harian*. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/09/604741/kerjasama-pas-umno-masih-timbulkan-sangsi-pada-31-oktober-2019>.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2017). *Sekilas Bicara Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nurul Riduan Nor Ashala. (2019). Dana RM 90 juta: SPRM Siasat Penderma Tetap, Kroni PAS. *Sinar Harian*. Dicapai di <https://www.sinarharian.com.my/article/13748/BERITA/Nasional/Dana-RM90-juta-SPRM-siasat-penderma-tetap-kroni-Pas-pada-2-November-2019>.
- Riduan Mohd Nor. (2011). *PAS dan Perjuangan Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Riduan Mohd Nor. (2013). *Sumbangan PAS Dalam Bidang Pendidikan di Malaysia (1951-2004)*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Shakira Buang. (2018). Azhar Idrus: PAS Pilihan Terbaik untuk Umat Islam. *Malaysiakini*. Dicapai di <https://www.malaysiakini.com/news/423264> pada 11 November 2019.
- Shakira Buang. (2016). Baik Bubar PAS dari Bergabung dengan UMNO- Tuan Ibrahim. *Malaysiakini*. Dicapai di <https://www.malaysiakini.com/news/334769> pada 2 November 2019.
- Syahidulamri Khairuddin. (2016). *Perpuakan PAS Era Abdul Hadi Awang (2002-Jun 2015)*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Syed Arabi Iddid. (2011). *Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*. Gombak: Penerbit UIAM
- Wan Ji Wan Hussin. (2019). *Penunggang Agama?* Batu Caves: Puteh Press.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **JUNAIIDI AWANG BESAR**

Pengarang koresponden  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi, Selangor  
jab@ukm.edu.my

### **NUR ELLYANIS MOHD BASORI**

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi, Selangor  
p97279@siswa.ukm.edu.my

### **MUHAMMAD HAZIM ABDUL GHANI**

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi, Selangor  
mohdhazim\_tm@yahoo.com